

28/06/2002

Abdullah ketua jentera pilihan raya kecil BN

Azmi Md Deros

IPOH, Khamis - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Raya Kecil Barisan Nasional (BN) Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit, Kedah yang dijadual diadakan tidak lama lagi.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dilantik sebagai penyelarasan, manakala Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, pengarah pilihan raya.

Pemilihan diputuskan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, di Kuala Lumpur, kelmarin, kata Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob.

"Tiga peringkat jentera teratas ini akan melicinkan lagi perjalanan kempen pilihan raya. Umno dan BN akan memberi tumpuan maksimum kepada kempen pilihan raya bagi membolehkan kedua-dua kerusi itu dirampas kembali," katanya hari ini.

Ditanya mengenai peluang BN merampas kerusi berkenaan, Mohd Khalil berkata, ia amat cerah berdasarkan sokongan rakyat yang semakin baik terhadap BN.

Mengenai calon, beliau berkata, Badan Perhubungan Umno Kedah akan menentukan calon yang sesuai dan menyerahkannya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk diputuskan.

Kerusi Parlimen Pendang dan DUN Anak Bukit kosong berikutan kematian Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor Ahad lalu selepas menjalani pembedahan pintasan jantung di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) Cheras, Kuala Lumpur pada 10 Jun.

Sementara itu, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, berkata Perak, Selangor dan Pulau Pinang ditugaskan membantu jentera pilihan raya kecil DUN Anak Bukit.

Beliau berkata, Perak akan menjaga enam peti undi dan mengerahkan jentera Umno bahagian dari Parit Buntar, Bukit Gantang, Larut, Taiping dan Bagan Serai membantu kempen.

Katanya, empat ahli Exco iaitu Pengerusi Jawatankuasa Perindustrian, Pembangunan Usahawan dan Penerangan, Datuk Ramly Zahari; Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Datuk Azman Mahalan; Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam dan Pendidikan, Datuk Dr Abdul Malek Hanafiah serta Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Tenaga Manusia, Belia dan Sukan negeri, Datuk Jamal Nasir Rasdi akan dihantar membantu kempen.

Selain itu, beliau berkata, jentera Pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri akan digerakkan bagi memantapkan kempen.

(END)